

Soalan 9 : Rumusan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan perkataan anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 : Petikan

Batik Terengganu amat terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan dan pelancong asing. Umumnya, pembuatan batik Terengganu mempunyai pelbagai jenis, antaranya termasuklah batik canting dan batik blok. Kain batik Terengganu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan unik. Batik Terengganu dikenali dalam kalangan pencinta seni dengan sifat kainnya yang sejuk dan selesa dipakai. Di sebalik kehalusan seni pembuatannya sudah pasti ada kudrat dan semangat yang tidak pernah mengalah dalam mengharungi kesukaran mencipta dan mengusahakan corak batik tradisional negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, pembuatan batik Terengganu kian pupus kerana kurangnya pendedahan kepada generasi muda untuk mewarisi kemahiran ini.

Keunikan corak yang pelbagai pada batik Terengganu seperti corak berdiri, corak jalur dan corak melintang merupakan salah satu ciri batik Terengganu. Perkara ini membuatkan banyak hati terpesona dengan keindahannya dan menjadi sebutan masyarakat tempatan dan pelancong luar negara. Proses penghasilan blok dan corak batik yang sukar menjadi punca generasi hari ini tidak mahu mempelajari pembuatan batik Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penghasilan batik Terengganu memerlukan fokus dan ketekunan yang tinggi bagi menyiapkan sarang blok tersebut. Tambahan pula, kos pembuatan sarang blok batik yang semakin meningkat kerana harga bahan mentah seperti timah dan tembaga semakin mahal menjadi asbab generasi kini tidak berminat menceburi bidang ini.

Batik Terengganu boleh dikenali melalui bentuk motif batik yang dihasilkan iaitu motif organik dan motif geometrik. Generasi kini tidak berminat mempelajari seni pembuatan batik blok ini disebabkan proses pembuatan batik blok yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Sememangnya, pembuatan batik di Malaysia dan di Indonesia mempunyai gaya dan keunikan tersendiri yang wajar dikekalkan agar khazanah warisan ini tidak pupus ditelan zaman.

Dipetik dan diubah suai daripada,
"Kisah di Sebalik Khazanah Blok Batik Terengganu",
Oleh Muhamad Hakimi Abd Rani, *Dewan Budaya*, Bil. 3 2021.

1103/2SULIT

Bahan 2 : Pantun

Pokok kesum di tepi telaga,
Pawana bertuip di pagi hari;
Pembuatan batik tidak dijaga,
Generasi kini hilang jati diri.

Bunga anggerik bunga raya,
Bentuknya cantik indah kurnia;
Batik Malaysia indah bergaya,
Tidak diketengah di persada dunia.

Sumber : Internet

Bahan 3 : Grafik



BAHAGIAN C: RUMUSAN [30 markah]

Soalan 9 : Rumusan

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu **RUMUSAN** yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan perkataan anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 : Petikan

Kesenian dan kebudayaan merupakan dua entiti yang saling berkait rapat dan bergantung antara satu sama lain. Di seluruh dunia, setiap masyarakat mempunyai identiti seni dan kebudayaannya yang tersendiri lantas membentuk kesenian cara hidup mereka. Jika diperhatikan, dalam usaha menyemarakkan kesenian dan kebudayaan dalam kalangan Keluarga Malaysia, pelbagai aktiviti yang melibatkan bidang kesenian dan kebudayaan dianjurkan sempena sambutan kemerdekaan.

Kesenian dan kebudayaan seperti lagu dan filem mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Kelebihan kesenian dan kebudayaan antaranya dapat membentuk sebuah negara bangsa yang mempunyai identiti tersendiri. Oleh sebab itu, penjahat membawa masuk unsur kesenian dan kebudayaan mereka ke Tanah Melayu kerana kedua-dua unsur ini mampu mempengaruhi minda dan nilai masyarakat. Dalam proses menjadi sebuah negara maju, Malaysia tidak boleh hanya berikhtilaf sains dan teknologi semata-mata malah kerajinan sewajarnya memartabatkan kesenian dan kebudayaan yang diwariskan oleh generasi terdahulu.

Di negara kita, kedua-dua bidang ini mampu menyatukan masyarakat yang mempunyai peralihan budaya. Filem *Mat Kilau* telah membuktikan penerimaan luar biasa Keluarga Malaysia yang berunsurkan budaya masyarakat Melayu. Justeru, medium hiburan seperti filem perlu mengangkat nilai sejarah negara secara lebih kreatif agar dapat diterima oleh generasi kini. Pengisian sejarah yang diangkat secara ringan, santai dan kreatif dalam filem membolehkan kita lebih menghayati nilai seni dan budaya masyarakat tempatan. Selain itu, lagu-lagu berunsurkan kesenian dan kebudayaan mampu memukau perpaduan melalui lirik dan ertamanya. Senoga bidang kesenian dan kebudayaan ini mampu menjadi malar segar dan boleh diwarisi oleh generasi akan datang.

Digetik dan diubah suai daripada
"Menyemarakkan Kesenian dan Kebudayaan Melalui Filem dan Lagu"
Oleh Amisah Syarwani, *Debaran Budaya*, 31 Ogos 2022

Bahan 2 : Pantun

Bunga layu di dalam taman,
Bunga ditanam di kawasan gurun;
Seni Melayu jangan dilupakan,
Menjadi kebanggaan tarun-temurun.

Burung camar di sawah padi,
Hinggap sebentar di tepi perigi;
Seni dan budaya perlu dipelajari,
Nilai murni dapat diwarisi.

Sumber : Internet

Bahan 3 : Grafik



9. Baca dan faham setiap bahan yang disertakan di bawah. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Sejarah mencatatkan bahawa bangsa yang berjaya dicirikan oleh masyarakatnya sebagai bangsa yang memiliki budaya membaca. Budaya membaca seharusnya dijadikan sebagai rutin dalam kehidupan kerana amalan membaca merupakan wahana bagi mencari ilmu pengetahuan. Antara bahan yang boleh dijadikan sumber bacaan seperti jurnal, ensiklopedia dan majalah ilmiah.

Menurut laporan *Ending Learning Poverty* yang dikeluarkan oleh World Bank, kemiskinan pembelajaran di seluruh dunia bermaksud seseorang kanak-kanak itu masih tidak dapat membaca dan memahami teks mudah pada usia 10 tahun. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menambah jumlah perpustakaan awam di kawasan bandar dan luar bandar bagi menyuburkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, ibu bapa boleh mewujudkan perpustakaan mini di rumah untuk memupuk amalan membaca dalam jiwa anak-anak. Amalan membaca wajar digalakkan penyuburnya dalam kalangan masyarakat kerana mampu melahirkan masyarakat yang tinggi tahap pemikirannya. Oleh itu, bagi memupuk amalan membaca, pihak kerajaan boleh mengadakan kempen giatkan membaca dengan memberikan bahan-bahan bacaan percuma kepada orang ramai.

Sikap masyarakat yang selama ini memandang sepi terhadap bahan bacaan akan terhakis dengan perlahan-lahan apabila mereka membiasakan diri dengan budaya membaca. Ekoran daripada perkembangan ini, sudah tentu kita akan dapat membentuk masyarakat Malaysia yang cinta akan ilmu. Dalam mendepani era dunia serba maju ini sudah tentulah masyarakat berbudaya ilmu pengetahuan diperlukan untuk menjaga pembangunan negara. Ringkasnya amalan membaca memberikan nilai tambah dalam diri seseorang sebagai persediaan untuk bersaing dalam era globalisasi ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya'
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim,
Dewan Siswa, Januari 2018.

10

Powered by CamScanner

Powered by CamScanner

MLY/2/5

Bahan 2



Sumber : Internet

Bahan 3

SAJAK AMALAN MEMBACA

Semaikan di jiwa budaya membaca
Pasti bertambah ilmu yang di dada
Bangsa dan usia bukan ukuran
Yang membezakan kebjaksanaan

Bacalah bacalah mari membaca
Mudah dilakukan di mana sahaja
Bacalah dengan mata dan hati
Dunia luas kita terokai

Sumber : Internet

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

9. Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Isu pelajar dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah bukanlah perkara baharu kerana pihak Kementerian Pendidikan sendiri pernah membenarkan pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah sebelum ini. Jika dilihat secara keseluruhan, kebenaran untuk pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah akan membawa banyak keburukan daripada kebaikan walaupun diberi kebenaran bersyarat.

Kebiasaan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah akan memudahkan pemantauan oleh ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila berlaku kes-kes kecemasan, ibu bapa dapat berhubung terus dengan anak mereka. Di samping itu, kebenaran ini juga membolehkan pelajar mengakses maklumat daripada Internet untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun demikian penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Jika pelajar menggunakan telefon bimbit semasa belajar, sudah pasti tumpuan tidak dapat diberikan. Selain itu, penggunaan telefon akan mewujudkan budaya tunjuk-menunjuk dalam kalangan mereka selain menambahkan beban guru terutamanya jika berlaku kes kecurian. Hal ini turut menambahkan beban kewangan ibu bapa untuk menyediakan telefon kerana ramai pelajar yang kurang berkemampuan akan terasa hati melihat rakan yang lebih bernasib baik membawa telefon bimbit yang canggih.

Tuntasnya, kita dapat melihat lebih banyak kesan negatif jika cadangan memberi kebenaran membawa telefon bimbit ke sekolah diteruskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
www.arenapendidikanmalaysia.blogspot.com

Bahan 2

Implikasi negatif yang akan diperoleh pelajar jika membawa telefon bimbit ke sekolah ialah mereka berisiko untuk terdedah kepada pengaruh atau anasir yang tidak sihat. Kehadiran Internet telah membolehkan pelbagai informasi dari seluruh pelosok dunia disebarkan dan dicapai oleh sesiapa sahaja tanpa sebarang tapisan. Seterusnya, apabila pelajar menggunakan telefon bimbit dengan kerap, mereka akan terdedah dengan masalah kesihatan. Secara fizikal, mata akan terdedah dengan pencahayaan yang lebih banyak dan kompleks apabila kita menggunakan telefon bimbit dalam tempoh yang lama. Maka pelajar akan mengalami keletihan mata mengakibatkan mereka susah untuk fokus semasa belajar di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada :
www.injukan.my/

1103/2©2022 Hak Cipta MPSM Kelantan


SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

CS CamScanner

SULIT

1103/2

Bahan 3



IPENDIDIKAN.MY

KERTAS TAMAT

Bahan 1 – Petikan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Angka kecederaan dan kematian yang tertinggi akibat kemalangan jalan raya di Malaysia adalah membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal. Persoalannya, mengapakah bilangan pengguna motosikal di negara ini semakin bertambah? Faktor utamanya adalah kerana motosikal merupakan kenderaan mampu milik. Di kampung, kebanyakan keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana menggunakan motosikal untuk ke sekolah atau ke tempat kerja. Realitinya, golongan kanak-kanak di kawasan luar bandar, di desa dan di kampung sudah biasa menunggang motosikal. Budaya ini telah sebatu dengan masyarakat kita. Hal ini berlanjutan hingga peringkat pengajian tinggi apabila rata-rata pelajar menggunakan motosikal sepanjang pengajian mereka.

Motosikal lebih digemari para pengguna jalan raya kerana kos penyelenggaraannya lebih murah. Bagi individu yang tempat kerjanya jauh dari tempat tinggal, motosikal menjadi pilihan kerana kos minyak yang rendah dan mereka tidak perlu membayar tol. Selain itu, bilangan penghantar makanan yang bermotosikal semakin bertambah lebih-lebih lagi sepanjang pandemik COVID-19 ini. Bagi golongan yang berpendapatan tinggi pula, motosikal berkuasa besar menjadi pilihan mereka. Kebanyakan mereka terdiri daripada golongan profesional yang menjadikan aktiviti menunggang motosikal sebagai hobi dan aktiviti riadah.

Peningkatan kes kemalangan jalan raya membabitkan penunggang motosikal amat membimbangkan. Antara puncanya termasuklah sikap penunggang motosikal itu sendiri yang menunggang motosikal secara selamat atau sebaliknya. Selain itu, laluan motosikal yang sedia ada agak sempit dan tidak sesuai untuk kegunaan motosikal berkuasa besar. Laluan ini kerap dinaiki air dan hanya selamat digunakan pada kelajuan sehingga 70 kilometer sejam jika menggunakan motosikal 'kapcai'. Risiko yang lain termasuklah laluan motosikal tidak diselenggara dengan baik serta keadaan di sepanjang laluan motosikal yang gelap. Papan tanda keselamatan yang tidak dipasang dengan baik turut mengelirukan pengguna. Oleh hal yang demikian, pelbagai langkah perlu diambil untuk meningkatkan kemahiran dan kesedaran dalam kalangan penunggang motosikal seperti menyelenggara motosikal sebelum memulakan perjalanan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Sikap Pengaruhi Keselamatan Penunggang Motosikal' oleh Prof. Dr Sharifa Ezat, *Berita Harian*, 22 April 2021

SULIT

TJK - BAHASA MELAYU TKT 5 - PERCUBAAN 2022

10

Bahan 2




Penunggang dan pembonceng motosikal tidak memakai topi keledar



Tidak menggunakan laluan motosikal yang disediakan

Punca-Punca Peningkatan Kes
Kemalangan Jalan Raya Membabitkan
Penunggang Motosikal



Kedaaan permukaan jalan raya yang rosak



Tidak mematuhi peraturan lampu isyarat

SULIT

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 Markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Sistem e-pembayaran merupakan kaedah melakukan transaksi barangan dan perkhidmatan melalui sistem pembayaran elektronik atau transaksi secara dalam talian. Sistem pembayaran elektronik telah berkembang sejak sedekad yang lalu disebabkan oleh kepesatan dalam sektor perbankan dan peningkatan pembelian melalui Internet. Kaedah pembayaran tanpa tunai dilihat semakin popular sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan dalam negara. Hal ini sejajar dengan hasrat kerajaan menggalakkan penggunaan transaksi tanpa sentuhan kerana kaedah ini lebih menjimatkan masa pengguna. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan program e-PENJANA bagi menggalakkan masyarakat menggunakan e-pembayaran. Menurut Menteri Kewangan, inisiatif dengan peruntukan bernilai RM750 juta itu memberi manfaat kepada kira-kira 15 juta rakyat. Sementara itu, kempen Pembayaran Tanpa Tunai turut diperkenalkan di beberapa agensi kerajaan bagi membiasakan pelanggan berurusan menggunakan kemudahan teknologi terkini.

Rata-rata pengguna berpuas hati dan selesa dengan kaedah pembayaran tanpa tunai. Tambahan pula, hampir semua institusi perbankan telah menyediakan perkhidmatan e-pembayaran untuk semua urusan perbankan. Kaedah ini membolehkan pengguna memantau rekod pembayaran dan kewangan mereka secara sistematik. Selain itu, pengguna tidak perlu menanggung risiko membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak kerana pembayaran dapat dilakukan terus menerusi platform perbankan pilihan pelanggan. Transaksi boleh dibuat melalui Internet atau perbankan mudah alih menggunakan wang daripada akaun simpanan, akaun semasa atau kad kredit daripada 42 buah bank di Malaysia. Lebih menarik, pengguna juga boleh mendapatkan ganjaran untuk setiap transaksi dengan berpeluang untuk membawa pulang hadiah bulanan lumayan menerusi pelbagai peraduan yang dianjurkan oleh setiap syarikat.

Pendigitalan ekonomi dan transformasi teknologi yang pesat terus akan menjadi pemangkin kepada kemajuan sesebuah negara dan sudah pasti Malaysia juga tidak terkecuali daripada perkembangan itu. Menuju ke arah itu, kerajaan berusaha untuk menyediakan capaian teknologi 5G bagi menggalakkan rakyat membudayakan sistem e-pembayaran supaya menjadi sebahagian daripada kehidupan harian.

Dipetik dan diubah suai daripada,
'Bayaran Tanpa Tunai',
oleh Norzamira Che Noh
Metro Online, 9 Jun 2022

**TRANSAKSI
DALAM
TALIAN**

Mendorong masyarakat boros berbelanja



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.

Bahan 1

Bersempena dengan bulan menyambut Hari Guru, Hari Ibu dan Hari Bapa, ucapkanlah "selamat" dan "terima kasih" kepada ketiga-tiga individu yang penting dan banyak berjasa dalam hidup anda ini. Kepada ibu bapa atau guru-guru, andalah penyebab sama ada menaikkan atau membunuh imej dan semangat seseorang individu remaja. Mengapakah anda sebagai ibu bapa atau guru, sibuk memfokuskan kegagalan anak atau pelajar dalam peperiksaan? Mengapakah anda tidak fokus kepada kelebihan lain seperti kebaikan peribadinya, kerajinannya dan kejujurannya dalam pergaulan, sama ada dengan keluarga atau sahabat handai?

Kepada ibu bapa, walaupun keputusan peperiksaan anak anda tidak cemerlang, jangan melabelkan anak anda tidak ada masa hadapan. Sebenarnya, ibu bapa merupakan insan yang dapat melahirkan anak-anak yang cemerlang agar reda dan bersyukur dengan segala yang Tuhan berikan. Terimalah hakikat kegagalan dan kejayaan itu sebagai rezeki ketentuan Yang Maha Berkuasa. Selain itu, usah membandingkan kejayaan anak-anak lain yang lebih cemerlang. Hal ini berlaku kerana, itulah hasil daripada usaha dan kemampuan anak-anak yang kemungkinan mempunyai kebolehan lain yang boleh dibina untuk anak-anak melakar 'Peta Kehidupan' yang baharu yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Sehubungan dengan itu, bantu dan pandulah mereka untuk membina masa hadapan dengan lebih positif.

Sebagai seorang anak yang ingin melakar 'Peta Kehidupan' yang cemerlang perlulah mempunyai kriteria yang ampuh agar dapat mendepani cabaran dengan baik. Fokus ketika pengajaran guru di sekolah merupakan tuntutan penting diberikan penekanan kepada anak-anak. Dari aspek kerohanian, anak-anak mempunyai kekuatan akidah dan tahu menjaga diri sebaiknya. Hanya dengan kekuatan akidah berupaya menjaga akhlak dan ibadah sehingga hujung perjalanan mereka. Seorang anak yang cemerlang juga, berupaya meningkatkan silaturahim sesama manusia. Untuk menjamin kecemerlangan yang utuh, anak-anak perlu tidur dan rehat yang secukupnya untuk menjamin kesihatan. Apalah gunanya mengulang kaji pelajaran hingga dinihari dan esoknya anda bangun lewat untuk ke sekolah, bersiap dalam keadaan kelam-kabut, dan melangkah ke sekolah dalam keadaan tidak bermaya kerana tidak cukup tidur.

Selain itu, anak-anak berupaya mencari rezeki dan membina kekayaan. Biarlah anak-anak hidup dengan rezeki yang sedikit tetapi berkat. Oleh itu, sebagai anak balaslah jasa ibu bapa anda selagi mereka hidup dan berilah mereka kasih sayang dan kebahagiaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bimbing Remaja Melakarkan Peta Kehidupan'
oleh Datuk Profesor Dr. Muhaya Mohamad
Dewan Bahasa, Bil. 05/2020

1103/2

[Lihat halaman sebelah

Bahan 2

PANTUN NASHIAT

Kanak-kanak bermain di taman,
Bersorak-sorai kelihatan riang,
Anak dibesar penuh kemesraan,
Agar menjadi insan cemerlang.

Pergi berehat di tasik Lantun,
Terlihat sekawan anak rusa,
Didiklah anak sopan dan santun,
Menjadi lambang sesuatu bangsa.

Kalau hendak melentur buluh,
Jangan dipilih yang sudah tua,
Tangani anak bersungguh-sungguh,
Agar anak beroleh jaya.

[https://slidetodoc.com/
Koleksi pantun](https://slidetodoc.com/Koleksi-pantun)

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Tubuh yang sihat dan cergas dapat memberikan keselesaan kepada diri seseorang untuk melakukan pelbagai aktiviti harian. Oleh itu, penting bagi setiap individu, khususnya remaja untuk mengamalkan gaya hidup sihat agar aktiviti rutin harian dan pembelajaran tidak terganggu. Pendedahan terhadap remaja sejak awal usia dengan aktiviti yang menyihatkan seperti berbasikal, berjoging dan mendaki gunung dapat menjadikan remaja cergas dan cerdas. Secara tidak langsung, golongan remaja dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik, membina keyakinan diri dan memupuk nilai murni dalam diri. Kepesatan dunia teknologi turut merubah tabiat hidup remaja. Hal ini juga, memberi cabaran hebat buat remaja dalam bentuk gaya hidup sihat agar dapat dilakukan secara berterusan. Apa yang pasti, melakukan aktiviti yang sihat berupaya meningkatkan keyakinan diri seseorang untuk terus bersemangat melalui rutin harian mereka.

Amalan gaya hidup sihat yang dilakukan bersama-sama keluarga mahupun rakan-rakan mampu mengeratkan hubungan silaturahim dengan insan tersayang. Sehubungan dengan itu, sebagai remaja yang proaktif, amalan gaya hidup sihat yang berkesan perlu dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu secara konsisten. Hal ini akan menjadikan badan lebih bertenaga dan sihat melalui aktiviti pengeluaran peluh secara semula jadi. Aspek pengurusan masa harian yang sistematik dituntut dalam melakukan aktiviti riadah secara konsisten. Remaja yang cemerlang akan mengatur jadual aktiviti harian supaya seimbang dengan keperluan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, pengamalan dan pengambilan pemakanan seimbang dalam menu harian merupakan kunci utama ke arah amalan gaya hidup sihat yang perlu dijadikan budaya hidup setiap hari oleh para remaja. Sebagai remaja yang sihat dan positif, kebersihan diri pada setiap hari perlu diamalkan bagi memastikan diri terhindar daripada sebarang penyakit. Hal ini demikian kerana amalan gaya hidup sihat sebenarnya merangkumi segala aspek kehidupan manusia secara holistik.

Sebagai remaja yang sihat dan positif, remaja juga perlu menjauhi amalan negatif seperti menjauhi tabiat merokok dan najis dadah. Pendedahan dan kesedaran bahawa tabiat negatif ini dapat memberi kesedaran kepada remaja agar memikirkan dahulu akibat yang bakal berlaku sebelum melakukan sesuatu perkara yang mengundang musibah kepada diri mereka. Sehubungan dengan itu, sebagai generasi pemimpin kesinambungan negara, pengamalan gaya hidup ini perlu dipraktikkan dalam kehidupan para remaja bermula dari awal lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh, Kekal, Cergas dan Sihat'
oleh Along Ahmad
Dewan Bahasa, Bil. 07/2020

1103/2

[Lihat halaman sebelah

CamScanner

Bahan 2

HIDUP AKTIF,
BADAN SIHAT!

BAHAGIAN C: RUMUSAN
[30 markah]

9. Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Rakyat Malaysia mempunyai nilai kesedaran sukarela yang tinggi berdasarkan sumbangan kewangan dan tenaga apabila berlakunya sesuatu bencana alam. Secara realitinya, aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja melepasi sempadan budaya, agama dan masyarakat, malahan dapat dijadikan sebagai ibadah dalam kehidupan seseorang.

Sebagai sebuah negara yang bergerak ke arah sebuah negara maju, Malaysia amat menitikberatkan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan belia. Bagi golongan belia, aktiviti kesukarelawanan dapat membantu mengembangkan potensi yang ada dalam diri mereka. Mereka juga dapat mengakses jaringan peluang pekerjaan yang wujud di Malaysia. Bukan itu sahaja, aktiviti kesukarelawanan juga mampu meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mereka, terutamanya ketika mereka berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain. Bahkan mereka juga boleh menimba ilmu dan kemahiran bekerja dalam sesebuah organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana belia dapat mengenali keadaan kerja yang berbeza-beza melalui aktiviti kesukarelawanan.

Dalam hal ini, pihak kerajaan memainkan peranan yang sangat penting dalam menanam semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia bermula akar umbi. Antara usaha yang perlu diketengahkan ialah Kementerian Pendidikan Malaysia memasukkan sukatan pelajaran tentang kesukarelawanan dalam kurikulum pelajaran. Melalui pembelajaran dari peringkat awal, semangat kesukarelawanan akan tertanam dalam jiwa anak bangsa dan akan berpanjangan sehingga dewasa. Hal ini secara tidak langsung dapat mendidik golongan belia menjadi warganegara yang prihatin terhadap keperluan masyarakat. Penubuhan Yayasan Sukarelawan Siswa dalam usaha memupuk dan mempergiat aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan belia Malaysia merupakan satu usaha yang dipuji. Konklusinya, aktiviti kesukarelawanan di negara ini mesti disemarakkan oleh pelbagai pihak kerana berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Suburkan Semangat Kesukarelawanan dalam Kalangan Belia'
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham,
Dewan Siswa, Bil.5/2019.

[Lihat halaman sebelah

SULIT


1103/2 ©2022 Hak Cipta Kemadi Bahasa

SULIT

11

1103/2

Bahan 2



Bahan 3

SEIKHLAS HATI

Semangat sukarela kita terapkan
Tanpa mengharap sebarang balasan.

Hulurkan tangan ringankan beban
Tanda prihatin sesama insan.

Rasa syukur kita rafakkan
Atas segala anugerah Tuhan.

INSYIRAH.H
Pasir Mas

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 Baca dengan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Pandemik Covid-19 telah melebarkan saiz pasaran dalam talian dan memberikan peluang kepada usahawan muda untuk terlibat dalam keusahawanan. Bagi golongan ini, penerapan teknologi dalam kehidupan seharian menjadi lumrah malah dapat diaplikasikan dengan mudah, cepat dan selesa. Walaupun langkah bergelar usahawan dalam talian tanpa modal perniagaan yang besar, namun perniagaan ini tetap memerlukan minda keusahawanan yang kuat. Sehubungan dengan itu, individu yang ingin berjaya dalam menjalankan perniagaan secara dalam talian perlu mahir mengurus dengan cekap hal ehwal pengurusan perniagaan.

Usahawan secara dalam talian seharusnya berhati-hati dengan rakan lain yang berniaga dalam medan yang sama. Usaha ini akan membantu mereka daripada dimanipulasikan oleh jenayah komersial. Di samping itu, usahawan dalam talian yang berjaya akan bijak dalam meminimumkan risiko dan sentiasa mencipta peluang untuk meraih pulangan yang tinggi. Bagi menyokong pembangunan usahawan, pelbagai agensi seperti SME Corporation Malaysia (SME Corp) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah membangunkan program dengan kriteria khusus. Pembangunan usahawan di institusi pengajian tinggi turut meningkatkan penyertaan pelajar untuk menjadi usahawan siswazah. Hal ini merangkumi modul latihan keusahawanan, peluang perniagaan dalam kampus dan pertandingan inovasi keusahawanan.

Usahawan dalam talian yang ingin berjaya juga mesti mempunyai sikap proaktif dalam mengenal pasti peluang yang wujud. Individu seperti ini akan mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan paparan objek mewah oleh sesetengah individu di laman sosial. Sebagai tanda sokongan kepada pembangunan usahawan, kerajaan turut mengambil langkah meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti keusahawanan di institusi pengajian tinggi dengan menyediakan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi. Strategi ini berupaya membina Malaysia sebagai negara yang menjadikan keusahawanan sebagai teras penting transformasi ekonomi dan sosial.

Perniagaan secara dalam talian merupakan satu pilihan untuk langkah awal sebagai usahawan. Usahawan muda yang memilih platform secara dalam talian turut berpotensi menjadi ejen transformasi sosial yang berkesan. Pelibatan dalam bidang keusahawanan walaupun pada skala yang kecil namun dilihat sebagai tunas penting dalam melahirkan minda usahawan yang berjaya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Meneroka Peluang sebagai Usahawan Muda'
oleh Zulnadi Yaacob,
Dewan Siswa, Bil 5 2022

[Lihat halaman sebelah

SULIT

1103/2 © 2022 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

SULIT

12

1103/2

Bahan 2

CIRI-CIRI USAHAWAN DALAM TALIAN YANG BERJAYA			
	Memberikan kualiti khidmat pelanggan yang terbaik.		Mewujudkan laman sesawang yang interaktif dan mesra pengguna.
			
Mengutamakan kualiti dan penghantaran produk			

Bahan 3

Seloka Usahawan Jaya

Jika ingin kekal berjaya
Prinsip yang teras harus dilaksana
Patuh akan undang-undang negara
Tidak diplagiat yang bukan haknya
Walau untung berjuta-juta
Jujur amanah tetap terjaga.

Kerajaan beri bimbingan dan latihan
Harap usahawan maya seiring sejalan
Jangan gah hanya wayangan
Namun ilmu kering dan kontang
Dana pinjaman turut tersedia
Harap dilabur dengan terancang
Jika tidak pasti menyesal
Kaya diharap mufliis yang datang.

Nukilan
Umi RA
Seremban, 2022

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

1103/2 © 2022 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

SULIT

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Selama ini, ulam hanya sinonim dengan penduduk di luar bandar, namun senario ini telah berubah kerana ulam juga telah menjadi santapan biasa bagi warga di bandar dan juga semakin mendapat tempat di hati masyarakat antarabangsa. Ulam bukan lagi makanan kampung seperti mana tanggapan sebelum ini kerana ulam kini menjadi sebahagian menu di kebanyakan restoran mahupun hotel- hotel yang bertaraf lima bintang.

Pemilihan ulam-ulaman dalam diet harian kita adalah tepat kerana khasiat yang terkandung dalam ulam tidak dapat dinafikan kelebihannya malah turut mendapat perhatian pakar-pakar pemakanan antarabangsa yang turut mengakui keistimewaan tumbuhan semula jadi tersebut. Ulam membekalkan fiber yang diperlukan dalam sistem penghadaman, merendahkan lemak dan kolesterol. Ulam juga merupakan sumber utama vitamin A, vitamin C, asid folik dan juga zat galian yang lain. Terdapat pelbagai kajian yang mendapati bahawa memakan ulam dapat menyembuhkan pelbagai penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, kanser dan lain- lain.

Namun, masyarakat Malaysia masih kurang mengambil ulam-ulaman dalam diet harian mereka. Hal ini demikian kerana kita hidup dalam zaman yang serba ringkas dan sering mencari jalan yang singkat untuk mendapatkan sesuatu dengan mudah. Begitu juga dengan aspek pemakanan yang turut mendapat tempasnya. Masyarakat kita masih lagi terbelenggu dengan banjiriran makanan segera yang berada di pasaran kini sehingga terlupa bahawa kita memiliki rahsia keistimewaan alam semula jadi yang boleh dijadikan hidangan seharian iaitu ulam-ulaman. Kadang-kadang, kita sendiri pun masih belum mengetahui kebaikan ulam-ulaman tersebut walaupun hanya boleh dipetik di belakang rumah sahaja.

Sudah sampai masanya kita berubah dengan mengambil langkah pencegahan daripada mengambil langkah mengubati iaitu dengan memakan ulam-ulaman. Pastinya, kita akan mampu memiliki kesihatan yang membanggakan kita. Lihatlah golongan tua yang masih kuat dan sihat walaupun berumur lanjut berbanding golongan yang lebih muda kerana warga emas ini membudayakan memakan ulam-ulaman semula jadi sejak awal lagi sehingga mereka sukar mendapat penyakit.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Meneroka Dunia Pemakanan Sihat dengan Ulam-Ulaman'
oleh Norkumala binti Awang,
IKIM, 2007

Bahan 2**GALAKAN PENGAMBILAN ULAM-ULAMAN**

Sumber : Internet

Bahan 3Sumber : <https://www.xtra.com.my/featured/rahsia-ulam-yang-sebenarnya/>**SOALAN TAMAT**

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan. kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Saban hari, ribuan graduan yang berjaya dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Namun begitu, ramai antara mereka gagal untuk mendapatkan kerja lalu terpaksa memilih bidang kerjaya yang berbeza atau menganggur sambil menunggu peluang tiba. Kelulusan yang tidak bersesuaian dengan keperluan industri menjadi antara salah satu punca utama graduan menganggur. Strategi mengatasi masalah graduan menganggur ialah universiti atau kolej perlu melahirkan graduan dengan kelulusan yang menepati keperluan industri di Malaysia. Selain itu, graduan tidak berusaha memantapkan kemahiran kemahiran diri secara berkala dari semasa ke semasa menjadi punca graduan tidak mendapat pekerjaan. Hal ini demikian kerana sikap suka meningkatkan kemahiran diri memastikan seseorang itu terus dihargai oleh syarikat.

Pengangguran dalam kalangan graduan akan terus berpanjangan sekiranya mereka tidak mempunyai usaha dalam mencari alternatif baharu. Para graduan tidak berminat menceburi diri dalam kegiatan ekonomi seperti bidang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dapat memberikan peluang pekerjaan. Oleh itu, kerajaan seharusnya memberikan pakej rangsangan kepada industri PKS seperti pengecualian cukai dan bimbingan kemahiran untuk melahirkan usahawan PKS dalam kalangan graduan. Selain itu, kerajaan telah mengadakan program pementapan bahasa Inggeris kerana siswazah tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Inggeris semasa temu duga oleh syarikat swasta dan industri menyebabkan mereka gagal memperoleh pekerjaan.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
'Faktor Utama Pengangguran di Malaysia'
dalam blog dailyakyat.com

1103/2

TERHAD

TERHAD

12

1103/2 (Set 1)

Bahan 2

Kerajaan sentiasa komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengekang peningkatan isu pengangguran ekoran penularan pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan latihan kemahiran melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan pemain industri di bawah Majlis Pekerjaan Negara (NEC). Kerajaan juga menyediakan insentif kewangan kepada majikan bagi menyediakan peluang pekerjaan baharu melalui program Penjana Kerjaya oleh PERKESO. Tuntasnya, kerajaan komited dalam memastikan peratusan kadar pengangguran dapat dikurangkan kerana pengangguran bukan sahaja memberikan impak yang besar kepada masalah sosial bahkan ekonomi negara juga turut terjejas.


Dipetik dan diubah suai daripada:
Harakah Daily, 2021.

Bahan 3

Aiman, jom kita mohon pekerjaan melalui Pelaksanaan Program MySTEP oleh kerajaan contohnya sebagai juruterkn yang akan berkhidmat dalam syarikat GLC milik kerajaan.

Tak mahulah Bakri. Jawatan itu tidak sesuai dengan kelulusan aku yang ada ijazah ini.

Tak baik kamu bersikap terlalu memilih pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan kamu sedangkan kamu sudah menganggur hampir 10 bulan, Aiman.



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

1103/2

TERHAD

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 Markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

- 9 Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan. kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Sejak mengecap kemerdekaan lebih 60 tahun yang lalu, Malaysia telah menjadi sebuah negara yang pesat membangun dari setiap sudut sosioekonomi. Namun begitu, kemajuan yang berorientasikan keuntungan semata-mata seakan-akan mengikis tandasnya pertimbangan manusia terhadap khazanah alam. Antara pencemaran yang kerap berlaku dalam negara kita ialah pencemaran sungai. Punca utama berlaku pencemaran sungai ialah pembuangan sampah sarap oleh individu yang tidak bertanggungjawab ke dalam sungai. Ramai individu yang membuang sampah sarap ke dalam sungai pada waktu malam demi mengelak daripada ditangkap oleh penguat kuasa. Pencemaran sungai boleh mengancam sumber air mentah di kawasan keliling. Sampah sarap dan najis yang dibuang ke dalam air juga menggalakkan bakteria untuk terus membiak dan menjadi masalah kepada kehidupan di dalam air mahupun kepada manusia sendiri.

Kegiatan pembalakan yang semakin hari semakin rancak bakal mengancam khazanah alam yang kita miliki. Selain itu, penggunaan baja kimia, racun serangga, dan racun rumpai dalam sektor pertanian berhampiran sungai juga membahayakan sungai. Pembalakan pokok-pokok dan kegiatan pertanian akan menyebabkan hakisan tanah berlaku dan masuk ke dalam sungai. Aktiviti melombong pasir sungai juga menyebabkan pencemaran air sungai. Berbekalkan tenaga profesional yang cekap dan teknologi yang tiada batasan hari ini, pastinya sebuah mekanisme dapat digunakan bagi memastikan pencemaran sungai dapat dikurangkan bagi menjamin kelestarian alam semesta ini.

Dipetik dan diubah suai daripada:

www.ipendidikan.my

Bahan 2

Pencemaran sisa kimia Sungai Kim Kim ialah kejadian pencemaran air yang berlaku pada 7 Mac 2019, akibat daripada pembuangan sisa-sisa kimia daripada kilang-kilang berdekatan tanpa sebarang tapisan di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor, Malaysia. Pada hari berkenaan, bau bahan kimia sangat kuat dikesan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan Pasir Putih di Pasir Gudang. Murid kedua-dua sekolah itu bersama-sama guru dan pekerja kantin juga mengalami simptom pening, koya, muntah dan ada yang pengsan dihantar ke Hospital Sultan Ismail. Gelombang keracunan air kedua berlaku pada 11 Mac dengan 106207 lagi mangsa telah dimasukkan ke hospital sebelum meningkat kepada lebih daripada 1000 mangsa. Pembuangan secara haram itu mengeluarkan asap toksik, menjejaskan kualiti air serta penduduk setempat sehingga 6000 orang, dan daripada jumlah itu, 2775 orang telah menerima rawatan.

Dipetik dan diubah suai daripada:

www.wikipedia.com

Bahan 3



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

9. Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Konsep Sekolahku Sejahtera dilancarkan pada 21 Februari 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konsep Sekolahku SEJAHTERA menggariskan 14 elemen iaitu selamat, sihat, seronok, etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni, tekun, teliti, terampil, eksplorasi, rasional dan artikulasi. Secara asasnya, kesemua elemen tersebut telah lama diperkenalkan di sekolah, namun pengenalan konsep sekolahku SEJAHTERA ini bertujuan untuk mengangkat 14 elemen tersebut secara lebih terperinci, bersasar dan berterusan. Penekanan konsep ini penting untuk memastikan pelajar yang lahir daripada sistem pendidikan negara mampu bersaing pada peringkat dunia.

Konsep sekolahku SEJAHTERA penting bagi memastikan sekolah tetap menjadi tempat yang selamat, seronok dan melahirkan murid yang sihat. Melalui konsep ini, sekolah akan menjadi platform ampuh untuk membentuk etika, empati, jati diri, adab sopan, harmoni, tekun, teliti, terampil, eksplorasi, rasional dan artikulasi dalam kalangan murid. Kesemua nilai ini sangat penting untuk disuburkan dalam jiwa masyarakat khususnya generasi muda kerana hanya insan yang kaya jiwanya dengan pelbagai nilai mampu memberikan sumbangan optimum kepada bangsa dan negara. Untuk mencapai matlamat yang digarap dalam sekolahku SEJAHTERA bukannya mudah tetapi bukan juga mustahil seandainya mendapat kerjasama yang ampuh daripada pelbagai pihak. Namun, wujud pelbagai cabaran dalam melaksanakan Konsep Sekolahku SEJAHTERA. Untuk mendapatkan kerjasama seluruh warga sekolah bukannya mudah. Di samping itu, pengaruh rakan sebaya yang negatif juga menjadi cabaran dalam pelaksanaan konsep ini.

Kesimpulannya, Konsep Sekolahku SEJAHTERA perlu dijayakan demi kemakmuran negara pada hari muka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sekolahku SEJAHTERA : Penerapan Nilai Terbaik untuk Murid'
oleh Nurul Atikah
Dewan Masyarakat, JUN 2022

9

Bahan 2

Sekolahku SEJAHTERA

Sekolahku SEJAHTERA agenda negara
memandu guru melahirkan insan cemerlang
menyemai benih-benih nilai di jiwa-jiwa suci harapan nusa
biar perkasa menangkis segala pengaruh negatif
demi melonjakkan ketamadunan bangsa
di dada langit globalisasi

Sekolahku SEJAHTERA
terjamin keselamatan anak bangsa
meneroka segala ilmu dan kemahiran tuntutan zaman
biar gah nama Malaysia di persada dunia.

AB Rodz
Taiping

Bahan 3

Pengaruh modenisasi yang begitu
meluas menjadi cabaran dalam
pelaksanaan sekolahku SEJAHTERA
kerana pengaruh modenisasi banyak
mempengaruhi sikap generasi kini.

Saya setuju. Bukan mudah hendak
mengubah sikap yang sudah sebatil dalam
diri murid. Tambahan pula, masih
terdapat ramai ibu bapa yang
mengabaikan penerapan nilai dalam diri
anak-anak.



10/1

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal perikan.

Bahan 1

Pandemik yang melanda dunia akibat penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan masyarakat di seluruh dunia mengubah norma kehidupan. Antara norma baharu yang dipraktikkan ialah pembelajaran secara dalam talian atau pendidikan secara maya. Sebenarnya pendidikan secara maya telah pun diadakan sejak aplikasi panggilan video seperti Skype diterbitkan. Namun pendidikan secara maya tidak dilaksanakan secara menyeluruh sehingga proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diperkenalkan.

Pelbagai kaedah telah digunakan oleh para guru yang begitu komited untuk memastikan setiap murid dapat meneruskan pembelajaran walaupun dalam keadaan serba mencabar. Bagi mereka yang tidak mempunyai masalah capaian, guru digalakkan menggunakan pelbagai aplikasi instruksional dalam talian untuk membantu mereka menjadikan kelas lebih kondusif untuk pembelajaran. Kini collaborative tools atau perisian kolaboratif seperti Padlet, Quizizz, Nearpod atau Kahoot digunakan secara meluas oleh para guru di negara ini. Murid yang menghadapi masalah capaian tidak dipinggirkan, warga pendidik menyediakan modul bercetak yang dapat diambil oleh ibu bapa di sekolah, malah terdapat juga guru-guru di kawasan pedalaman yang mengambil inisiatif meredah perjalanan yang sukar menghantar modul PdP demi memastikan setiap murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Pembelajaran dalam talian antara murid dengan guru dilihat dapat meningkatkan kemahiran teknologi. Hal ini demikian kerana guru dan murid perlu menggunakan komputer, tablet atau telefon bimbit serta capaian Internet untuk menjalankan pembelajaran secara dalam talian. Selain itu, pendidikan maya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan mudah. Tambahan pula, murid mempunyai kebebasan untuk mencari sendiri maklumat lebih lanjut tentang sesuatu topik yang dipelajari menggunakan enjin carian seperti Google dan Yahoo. Pendidikan secara dalam talian telah membuka peluang kepada pendidikan jarak jauh tanpa batasan. Justifikasinya, walaupun guru atau pensyarah berada di kampungnya yang terletak di Kota Bharu, Kelantan, murid yang menetap di Johor Bahru masih dapat menyertai kelas yang diadakan secara maya.

Gerakan membudayakan pembelajaran dalam talian hanya akan berjaya sekiranya murid, guru dan pensyarah komited terhadap setiap sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Selain meningkatkan kompetensi digital, pensyarah, guru dan murid perlu lebih berani untuk meneroka, mencuba dan membiasakan diri dengan norma baharu pembelajaran dalam talian dan seterusnya memperbaiki diri dalam setiap ruang dan peluang yang ada untuk meningkatkan kemahiran pedagogi pembelajaran dalam talian.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pendidikan Maya Atas Talian, Koleksi Karangan SPM, 28 Ogos 2021

Bahan 2

MEMPERKASAKAN PdPR

- Latihan pendidikan perguruan berkaitan kaedah dan proses yang proaktif
- Menyediakan model pembelajaran hibrid iaitu gabungan pembelajaran dalam talian dan bersemuka
- Memasukkan kursus PdPR dalam kurikulum kursus perguruan di IPG dan IPT

HALANGAN BAGI PdPR

- Ketiadaan peranti ketika pembelajaran dalam talian
- Sikap pelajar ketika sesi pembelajaran dalam talian
- Masalah liputan (Internet) yang belum menyeluruh khususnya kawasan luar bandar
- Kesukaran untuk menghasilkan perbualan dua hala antara guru dengan murid

PdPR: Pengajaran & Pembelajaran di Rumah KPM: Kementerian Pendidikan Malaysia SOP: Prosedur Operasi Standard PPSM: Pengajaran & Pembelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris IPG: Institut Pendidikan Guru IPT: Institut Pendidikan Tinggi